## FY2024 TERMA DAN SYARAT KEMPEN EMPLOYER WORK+ (KONVENSIONAL)

**Syarat Am**

1. Kempen Work+ Majikan FY2024 ("Kempen") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran 196001000142 (3813-K)) dan akan berlangsung dari 27 Februari 2024 (12.00 tengah malam) hingga 27 Februari 2025 (11.59 malam) (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Kempen").

**Kelayakan Kempen**

2. Kempen ini terbuka kepada -

   a) Pelanggan baharu Maybank Payroll seperti dinyatakan di nota iii Klausa 4, (warganegara dan bukan warganegara Malaysia) dalam Maybank2U Biz (M2UBiz), Maybank2U (M2U) dan Maybank2E Regional Cash Management System (M2E) RCMS di bawah segmen Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS") dan Perbankan Perniagaan ("PP") yang terdiri daripada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat sendirian berhad, persatuan dan badan profesional; dan

   b) Pelanggan Maybank sedia ada (warganegara atau bukan warganegara Malaysia) yang berdaftar dengan Maybank Payroll di bawah segmen PKS dan PP dan mendaftar Work+ serta kekal aktif dengan menjalankan urus niaga pembayaran gaji pada setiap bulan;

   (Kemudian dari ini dirujuk sebagai "Pelanggan yang Layak").

3. Pelanggan Maybank Work+ ialah pelanggan yang menggunakan salah satu daripada sistem/akaun berikut –Maybank2uBiz (M2UBiz) Bulk Payment, Maybank2u Biz (M2UBiz) Single Transfer, Maybank2E Regional Cash Management System (M2E) RCMS and Maybank2U (M2U).

4. Menjadi kemestian bagi Pelanggan yang Layak untuk melanggan dan menggunakan sistem Maybank Payroll (item (i) dan (ii) di bawah) dan melakukan yang berikut (item (iii) di bawah) sepanjang Tempoh Kempen:

   i) Melanggan: Majikan memuat turun dan mengisi borang permohonan Maybank Payroll di laman sesawang www.maybank2u.com.my bagi Maybank2uBiz Pembayaran Pukal manakala bagi Maybank2E Sistem Pengurusan Tunai Wilayah (M2E) RCMS, e-melkan ke m2ehelpdesk-my@maybank.com.my untuk pemprosesan.

   ii) Mendaftar Work+ dengan memastikan sekurangnya 1 pekerja mempunyai Akaun Gaji dengan Maybank iii) Menjalankan Urus Niaga Gaji:

      a) Majikan yang mendaftar masuk ke M2uBiz Pembayaran Pukal dan/atau M2e dan/atau M2U dan menjalankan urus niaga gaji bulanan pada setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen akan dianggap sebagai pembayaran gaji aktif ATAU;

      b) Majikan yang mendaftar masuk ke Maybank2uBiz (M2UBiz) Pindahan Tunggal dan Maybank (M2U) serta menjalankan urus niaga gaji RM1,000 dan ke atas pada setiap bulan ke akaun pihak ketiga (Individu) sepanjang Tempoh Kempen akan dianggap sebagai pembayaran gaji aktif.

   Catatan:

   i. Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat dalam fasal 4(i), 4(ii) dan 4(iii) di atas akan menyertai Kempen ini secara automatik.

   ii. Pelanggan yang Layak tidak berhak memenangi hadiah utama dan hadiah suku tahunan jika mereka gagal menjalankan urus niaga gaji bagi bulan tertentu.

   iii. Definisi Work+ ialah menggunakan Maybank Payroll seperti 4(i), 4(ii) dan 4(iii) dan menjalankan pembayaran gaji pekerja ke akaun Gaji dengan Maybank

5. Produk/Akaun Penyertaan

| | |
|---|---|
| 1. | Corporate Current Account (CCA) |
| 2. | SME First Account |
| 3. | Basic Current Account For SME |

Malayan Banking Berhad (Maybank) ialah ahli PIDM.

Perlindungan PIDM tertakluk pada kriteria yang boleh diinsuranskan. Sila rujuk senarai deposit yang diinsuranskan melalui www.maybank2u.com.my untuk maklumat lanjut.

6. Hadiah, Ganjaran & Kelayakan serta Prosedur

| JENIS | KELAYAKAN DAN PROSEDUR |
|---|---|
| **Ganjaran Pertama**<br>**Hadiah Utama** | a) Pelanggan yang Layak mesti memastikan pembayaran gaji aktif pada setiap bulan (lihat fasal 4(iii) di atas) dan mengekalkan pertumbuhan bulanan Baki Purata Harian (BPH) sebanyak RM100,000 sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen.<br><br>b) Pelanggan juga perlu mengekalkan Baki Akhir Bulan (BAB) sebanyak RM100,000 sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen.<br><br>c) Pelanggan yang layak harus memastikan pembayaran gaji RM20,000 atau 20 bilangan pekerja untuk memastikan layak untuk memenangi hadiah. |

| Kategori Ganjaran | Bilangan Pemenang | Hadiah |
|---|---|---|
| Hadiah Utama | 1 PKS/PP | 1 unit Ford Ranger Raptor |

***PKS: Syarikat dengan Perolehan Jualan Tahunan Perniagaan bersamaan atau kurang daripada RM25 juta.**
****PP: Syarikat dengan Perolehan Jualan Tahunan Perniagaan melebihi RM25 juta.**

$$\text{Baki Purata Harian} = \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian bagi 1-bulan dalam Akaun Penyertaan}}{\text{Bilangan hari dalam sebulan}}$$

d) Pemilihan pemenang akan dilakukan dengan menggunakan Program Pemilihan Rawak Maybank berdasarkan penyertaan yang berikut:-

| Penyertaan Kriteria | Bilangan Penyertaan (Konventional) |
|---|---|
| Menjalankan transaksi gaji > 20 pekerja melalui Akaun Maybank | 10 penyertaan |
| Menjalankan transaksi gaji>RM20,000 melalui Akaun Maybank | 10 penyertaan |
| Pemilikan tunggal menjalankan transaksi gaji>5 pekerja melalui Akaun Maybank | 10 penyertaan |
| Pemilikan tunggal menjalankan transaksi gaji >RM10,000 melalui Akaun Maybank | 10 penyertaan |
| Setiap pertambahan bagi pertumbuhan BPH sebanyak RM100,000 | 10 penyertaan |
| Pinjaman & Pembiayaan PKS PP / Titik Jualan Pedagang | 10 penyertaan |
| Kad Kredit Komersial/Kad Kredit Debit/Perdagangan/Sewa Beli | 10 penyertaan |
| Muat turun aplikasi M2Ubiz dan menjalankan urus niaga pembayaran gaji | 10 penyertaan |
| Pinjaman & Pembiayaan PKS melalui atas talian | 10 penyertaan |

Jadual 1: Penyertaan Kriteria

| | |
|---|---|
| | Syarat tambahan<br>e) Pelanggan yang Layak boleh memenangi ganjaran pertama dan ganjaran kedua.<br>f) Menjadi keperluan mandatori bagi Pelanggan yang Layak untuk menggunakan secara aktif (lihat fasal 4(iii) di atas) M2UBiz Bulk Payment, M2UBiz Single Transfer, M2E/RCMS, and/or M2U secara berturut- turut pada setiap bulan bagi urus niaga Maybank Payroll.<br>g) Pelanggan yang Layak perlu kekal aktif (lihat fasal 4(iii) di atas) sepanjang Tempoh Kempen dan mencatatkan pertumbuhan deposit yang positif (melalui peningkatan amaun deposit dalam akaun), yang akan dikira pada penghujung Tempoh Kempen.<br>h) Pemenang yang berpotensi bagi Hadiah Utama akan disenarai pendek secara dalaman melalui program 'Pemilihan Rawak' yang memilih secara rawak pemenang dalam senarai pendek ("Pemenang dalam Senarai Pendek") dan pemenang layak mendapat lebih daripada satu (1) hadiah sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen. |
| **Ganjaran Kedua:**<br>**Ganjaran Suku Tahunan** | a) Pelanggan yang Layak perlu memastikan pembayaran gaji aktif pada setiap bulan (lihat fasal 4(iii) di atas) dan mengekalkan pertumbuhan bulanan ADB sebanyak RM100,000 sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen.<br>b) Pelanggan yang Layak juga perlu mengekalkan baki akhir bulan (BAB) sebanyak RM100,000 sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen.<br>c) Pelanggan yang layak harus memastikan pembayaran gaji RM20,000 atau 20 bilangan pekerja untuk memastikan layak untuk memenangi hadiah.<br><br>**Kategori Ganjaran** / **Bilangan pemenang** / **Hadiah (RM)**<br>**Suku Tahunan 1** / 30 pemenang / RM2,000 setiap seorang<br>**Suku Tahunan 2** / 30 pemenang / RM2,000 setiap seorang<br>**Suku Tahunan 3** / 30 pemenang / RM2,000 setiap seorang<br>**Suku Tahunan 4** / 30 pemenang / RM2,000 setiap seorang<br><br>Baki Purata Harian = Jumlah Baki Akhir Harian bagi 1-bulan dalam Akaun Penyertaan / Bilangan hari dalam sebulan<br><br>d) Pemilihan pemenang akan dilakukan dengan menggunakan Program Pemilihan Rawak Maybank berdasarkan kriteria penyertaan dalam Jadual 1 di atas.<br><br>Syarat tambahan<br>e) Pelanggan yang Layak boleh memenangi ganjaran pertama dan ganjaran kedua.<br>f) Menjadi keperluan mandatori bagi Pelanggan yang Layak untuk menggunakan secara aktif (lihat fasal 4(iii) di atas) M2UBiz Bulk Payment, M2UBiz Single Transfer, M2E/RCMS, and/or M2U secara berturut- turut pada setiap bulan bagi urus niaga pembayaran gaji.<br>g) Pelanggan yang Layak perlu kekal aktif (lihat fasal 4(iii) di atas) sepanjang tempoh |

| | |
|---|---|
| | Kempen dan mencatatkan pertumbuhan Deposit yang positif (melalui peningkatan amaun deposit dalam akaun), yang akan dikira pada penghujung Tempoh Kempen.<br><br>h) Pemenang yang berpotensi bagi Hadiah Suku Tahunan akan disenarai pendek secara dalaman melalui program 'Pemilihan Rawak' yang memilih secara rawak pemenang dalam senarai pendek ("Pemenang dalam Senarai Pendek") dan pemenang layak mendapat lebih daripada satu (1) hadiah sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen. |

7. Pemenang suku tahunan akan dikreditkan wang ganjaran dalam tempoh sembilan puluh (90) hari kalendar selepas setiap pusingan lengkap frekuensi ganjaran (tempoh). Pemenang Hadiah Utama akan dimaklumkan selepas Tempoh Kempen (selepas 27 Februari 2025). Menjadi tanggungjawab pemenang untuk mengemaskinikan nombor telefon bimbitnya yang didaftarkan dengan Maybank bagi tujuan ini. Maybank tidak akan bertanggungan jika pemenang tidak dapat dihubungi melalui nombor telefon bimbitnya yang didaftarkan dengan Bank selepas tiga (3) kali percubaan berterusan dibuat.

8. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar ganti dengan wang tunai atau barangan dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini.

9. Semua pemenang akan diumumkan oleh Maybank melalui Maybank2u (www.maybank2u.com.my). Mana-mana Hadiah yang tidak dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemenang menerima panggilan telefon daripada Maybank akan dibatalkan dan rayuan daripada pemenang tidak akan dilayan. Menjadi tanggungjawab pemenang untuk sentiasa menyemak laman web Maybank2u.

Terma dan Syarat Umum

i. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.

ii. Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurangkurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

iii. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

iv. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut penyata privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("Maybank Privacy Statement") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan individu.

v. Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

a) tujuan Kempen; dan
b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

vi. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungan terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaian atau peninggalan melampau oleh Maybank.

vii. Maybank tidak akan bertanggungan bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian,

kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.

viii. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.

ix. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

x. Jika terdapat apa-apa ketaktekalan Terma dan Syarat antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.

## TERMA DAN SYARAT KEMPEN FY24 EMPLOYER WORK+ (ISLAMIK)

**Pengenalan Kempen**

1. Kempen Work+ Majikan FY2024 ("Kempen") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran 196001000142 (3813-K)) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411) ("MIB") (secara kolektif dirujuk sebagai "Maybank") dan tertakluk kepada terma dan syarat dalam dokumen ini akan berlangsung dari 27 Februari 2024 (12.00 tengah malam) hingga 27 Februari 2025 (11.59 malam) (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Kempen").

**Kelayakan Kempen**

2. Kempen ini terbuka kepada -

   a. Pelanggan baharu Maybank Payroll (warganegara dan bukan warganegara Malaysia) dalam Maybank2U Biz (M2UBiz), Maybank2U (M2U) dan Maybank2E Regional Cash Management System (RC) di bawah segmen Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS") dan Perbankan Perniagaan ("PP") yang terdiri daripada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat sendirian berhad, persatuan dan badan profesional; dan

   b. Pelanggan Maybank sedia ada (warganegara atau bukan warganegara Malaysia) yang berdaftar dengan Maybank Payroll di bawah segmen PKS dan PP dan mendaftar Work+ serta kekal aktif dengan menjalankan urus niaga pembayaran gaji pada setiap bulan;

   (Kemudian dari ini dirujuk sebagai "Pelanggan yang Layak").

3. Pelanggan Maybank Payroll ialah pelanggan yang menggunakan salah satu daripada sistem/akaun berikut –Maybank2uBiz (M2UBiz) Bulk Payment, Maybank2u Biz (M2UBiz) Single Transfer, Maybank2E Regional Cash Management System (RC) and Maybank2U (M2U).

4. Menjadi kemestian bagi Pelanggan yang Layak untuk melanggan dan menggunakan sistem Maybank Payroll (item (i) dan (ii) di bawah) dan melakukan yang berikut (item (ii) di bawah) sepanjang Tempoh Kempen:

   iv) Melanggan: Majikan memuat turun dan mengisi borang permohonan Maybank Payroll di laman sesawang www.maybank2u.com.my bagi Maybank2uBiz Pembayaran Pukal manakala bagi Maybank2E Sistem Pengurusan Tunai Wilayah (M2E) RCMS, e-melkan ke m2ehelpdesk- my@maybank.com.my untuk pemprosesan.

   v) Menjalankan Urus Niaga Gaji:

   vi) Mendaftar Work+ dengan memastikan sekurangnya 1 pekerja mempunyai Akaun Gaji dengan Maybank

      a) Majikan yang mendaftar masuk ke MAS, M2uBiz Pembayaran Pukal dan/atau M2e dan/atau M2U dan menjalankan urus niaga gaji bulanan pada setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen akan dianggap sebagai pembayaran gaji aktif ATAU;

      b) Majikan yang mendaftar masuk ke Maybank2uBiz (M2UBiz) Pindahan Tunggal dan Maybank (M2U) serta menjalankan urus niaga gaji yang melebihi RM1,000 pada setiap bulan ke akaun pihak ketiga (Individu) sepanjang Tempoh Kempen akan dianggap sebagai pembayaran gaji aktif.

   Catatan:

   iv. Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat dalam perenggan 4(i), 4(ii) dan 4(iii) di atas akan menyertai Kempen ini secara automatik.

   v. Pelanggan yang Layak tidak berhak memenangi hadiah utama dan hadiah suku tahunan jika mereka gagal menjalankan urus niaga gaji bagi bulan tertentu.

   vi. Definisi Work+ ialah menggunakan Maybank Payroll seperti 4(i), 4(ii) dan 4(iii) dan menjalankan pembayaran gaji pekerja ke akaun Gaji dengan Maybank.

5. Produk/Akaun Penyertaan Islamik

| | |
|---|---|
| 1. | SME First Investment Account-i |
| 2. | SME First Account-i |
| 3. | Basic Current Account-i For SME |
| 4. | Current Account-i |
| 5. | Premiere Mudharabah Account-i for SMEBB |

Maybank Islamik ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) Perlindungan PIDM tertakluk pada kriteria yang boleh diinsuranskan. Sila rujuk senarai deposit yang diinsuranskan melalui www.maybank2u.com.my untuk maklumat lanjut.

6. Hadiah, Ganjaran & Kelayakan serta Prosedur

| JENIS | KELAYAKAN DAN PROSEDUR |
|---|---|
| **Ganjaran Pertama**<br><br>**Hadiah Utama** | i) Pelanggan yang Layak mesti memastikan pembayaran gaji aktif pada setiap bulan (lihat fasal 4(iii) di atas) dan mengekalkan pertumbuhan bulanan Baki Purata Harian (ADB) sebanyak RM100,000 sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen.<br><br>j) Pelanggan juga perlu mengekalkan Baki Akhir Bulan (MEB) sebanyak RM100,000 sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen.<br><br>k) Pelanggan yang layak harus memastikan pembayaran gaji RM20,000 atau 20 bilangan pekerja untuk memastikan layak untuk memenangi ganjaran<br><br>*(see table below)*<br><br>***PKS: Syarikat dengan Perolehan Jualan Tahunan Perniagaan bersamaan atau kurang daripada RM25 juta.**<br><br>****PP: Syarikat dengan Perolehan Jualan Tahunan Perniagaan melebihi RM25 juta.**<br><br>Baki Purata Harian = <u>Jumlah Baki Akhir Harian bagi 1-bulan dalam Akaun Penyertaan</u><br>Bilangan hari dalam sebulan<br><br>l) Pemilihan pemenang akan dilakukan dengan menggunakan Program Pemilihan Rawak Maybank berdasarkan penyertaan yang berikut:- |

| Kategori Ganjaran | Bilangan Pemenang | Hadiah |
|---|---|---|
| Hadiah Utama | 1 PKS/PP | 1 unit Ford Ranger Raptor |

| Penyertaan Kriteria | Bilangan penyertaan (Islamik) |
|---|---|
| Menjalankan transaksi gaji >20 pekerja melalui Akaun Maybank | 30 penyertaan |
| Menjalankan transaksi gaji >RM20,000 melalui Akaun Maybank | 30 penyertaan |
| Pemilikan Tunggal menjalankan transaksi gaji >5 pekerja melalui Akaun Maybank | 30 penyertaan |
| Pemilikan Tunggal menjalankan transaksi gaji >RM20,000 pekerja melalui Akaun Maybank | 30 penyertaan |
| Setiap pertambahan bagi pertumbuhan BPH sebanyak RM100,000 | 30 penyertaan |
| Pembiayaan PKS PP /Titik Jualan Pedagang | 30 penyertaan |
| Kad Kredit Komersial/Kad Kredit Debit/ Perdagangan/Sewa Beli **Islamik** | 30 penyertaan |
| Muat turun aplikasi M2U Biz dan menjalankan urusniaga pembayaran gaji | 30 penyertaan |
| Pembiayaan PKS melalui atas talian | 30 penyertaan |

Jadual 1: Kriteria Penyertaan

Syarat tambahan

a) Pelanggan yang Layak boleh memenangi ganjaran pertama dan ganjara kedua.

b) Menjadi keperluan mandatori bagi Pelanggan yang Layak untuk menggunaka secara aktif (lihat fasal 4(iii) di atas) M2UBiz Bulk Payment, M2UBiz Singl Transfer, M2E RC, dan/atau M2U secara berturut- turut pada setiap bula bagi urus niaga Maybank Payroll.

c) Pelanggan yang Layak perlu kekal aktif (lihat fasal 4(iii) di atas) sepanjan Tempoh Kempen dan mencatatkan pertumbuhan deposit yang positif (melalu peningkatan amaun deposit dalam akaun), yang akan dikira pada penghujun Tempoh Kempen.

d) Pemenang yang berpotensi bagi Hadiah Utama akan disenarai pendek secar dalaman melalui program 'Pemilihan Rawak' yang memilih secara rawa pemenang dalam senarai pendek ("Pemenang dalam Senarai Pendek") da pemenang layak mendapat lebih daripada satu (1) hadiah sepanjan keseluruhan Tempoh Kempen.

**Ganjaran Kedua**
**Ganjaran Suku Tahunan**

i) Pelanggan yang Layak perlu memastikan pembayaran gaji aktif pada setiap bulan (lihat perenggan 4(iii) di atas) dan mengekalkan pertumbuhan bulanan ADB sebanyak RM100,000 sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen.

j) Pelanggan yang Layak juga perlu mengekalkan baki akhir bulan (MEB) sebanyak RM100,000 sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen.

k) Pelanggan yang Layak harus memastikan pembayaran gaji RM20,000 atau 20 bilangan pekerja untuk memastikan layak untuk memenangi ganjaran.

| Kategori Ganjaran | Bilangan pemenang | Hadiah (RM) |
|---|---|---|
| **Suku Tahunan 1** | 30 pemenang | RM2,000 setiap seorang |
| **Suku Tahunan 2** | 30 pemenang | RM2,000 setiap seorang |
| **Suku Tahunan 3** | 30 pemenang | RM2,000 setiap seorang |
| **Suku Tahunan 4** | 30 pemenang | RM2,000 setiap seorang |

Baki Purata Harian = <u>Jumlah Baki Akhir Harian bagi 1-bulan dalam Akaun Penyertaan</u>
Bilangan hari dalam sebulan

l) Pemilihan pemenang akan dilakukan dengan menggunakan Program Pemilihan Rawak Maybank berdasarkan kriteria penyertaan dalam Jadual 1 di atas.

<u>Syarat tambahan</u>

m) Pelanggan yang Layak boleh memenangi ganjaran pertama dan ganjaran kedua.

n) Menjadi keperluan mandatori bagi Pelanggan yang Layak untuk menggunakan secara aktif (lihat perenggan 4(iii) di atas) M2UBiz Bulk Payment, M2UBiz Single Transfer, M2E RC, dan/atau M2U secara berturut- turut pada setiap bulan bagi urus niaga pembayaran gaji.

o) Pelanggan yang Layak perlu kekal aktif (lihat fasal 4(iii) di atas) sepanjang tempoh Kempen dan mencatatkan pertumbuhan Deposit yang positif (melalui peningkatan amaun deposit/akaun pelaburan dalam akaun), yang akan dikira pada penghujung Tempoh Kempen.

p) Pemenang yang berpotensi bagi Hadiah Suku Tahunan akan disenarai pendek secara dalaman melalui program 'Pemilihan Rawak' yang memilih secara rawak pemenang dalam senarai pendek ("Pemenang dalam Senarai Pendek") dan pemenang layak mendapat lebih daripada satu (1) hadiah sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen.

7. Pemenang suku tahunan akan dikreditkan wang ganjaran dalam tempoh sembilan puluh (90) hari kalendar selepas setiap pusingan lengkap frekuensi ganjaran (tempoh).

   Pemenang Hadiah Utama akan dimaklumkan selepas Tempoh Kempen tamat(selepas 27 Februari 2025). Menjadi tanggungjawab pemenang untuk mengemaskinikan nombor telefon bimbitnya yang didaftarkan dengan Maybank bagi tujuan ini. Maybank tidak akan bertanggungan jika pemenang tidak dapat dihubungi melalui nombor telefon bimbitnya yang didaftarkan dengan Bank selepas tiga (3) kali percubaan berterusan dibuat.

8. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar ganti dengan wang tunai atau barangan dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini.

9. Semua pemenang akan diumumkan oleh Maybank melalui Maybank2u (www.maybank2u.com.my). Mana-mana Hadiah yang tidak dituntut dalam tempoh tiga

(3) bulan dari tarikh pemenang menerima panggilan telefon daripada Maybank akan dibatalkan dan rayuan daripada pemenang tidak akan dilayan. Menjadi tanggungjawab pemenang untuk sentiasa menyemak laman web Maybank2u.

Terma dan Syarat Umum

xi. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.

xii. Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

xiii. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

xiv. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut penyata privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

xv. Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

a) tujuan Kempen; dan

b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen,

stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

*Nota: “PDPA” merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).

xvi. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungan terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaian atau peninggalan melampau oleh Maybank.

xvii. Maybank tidak akan bertanggungan bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apaapa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.

xviii. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.

xix. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

xx. Jika terdapat apa-apa ketaktekalan Terma dan Syarat antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.